

10/07/2000

Seri Paduka hadir di majlis perkahwinan

KUALA LUMPUR, Ahad - Yang di-Pertuan Agong, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan Raja Permaisuri Agong, Tuanku Siti Aishah malam ini, menghadiri majlis perkahwinan anak sulung lelaki bekas Menteri Besar Kedah, Tan Sri Sanusi Junid dan isteri, Puan Sri Nila Inangda Manyam Keumala.

Majlis yang berlangsung di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) itu turut dihadiri Sultan dan Sultanah Kedah serta kerabat diraja Kedah.

Hadir sama ialah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi serta isteri, Datin Seri Hendon Mahmood.

Akramsyah Muamar Ubaidah bertugas sebagai jurutera kimia di sebuah syarikat minyak di Australia manakala isterinya, Dr Ariza Zakaria bertugas sebagai pegawai perubatan di Hospital Kuala Lumpur (HKL).

(END)